



MEMO

RUJUKAN : **JP/BPIP/1/431/2 Jld. 10 ()**

TARIKH : 14 April 2026

DARIPADA : Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran

KEPADA : Pengarah,
Bahagian Khidmat Pengurusan
(u.p: Unit Gaji)

Puan,

PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR) BAGI BAHAGIAN PERANGKAAN IMBANGAN PEMBAYARAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas,

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan melaksanakan kaedah Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi pegawai dan kakitangan selaras dengan usaha meningkatkan fleksibiliti kerja, produktiviti serta keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan.

3. Pelaksanaan BDR ini akan berkuat kuasa mulai **15 April 2026** dan tertakluk kepada garis panduan serta peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan. Pegawai yang terlibat hendaklah memastikan tugas dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, mematuhi waktu bekerja yang ditetapkan serta sentiasa bersedia untuk dihubungi sepanjang tempoh BDR.

4. Ketua Seksyen adalah dimohon untuk mengenal pasti pegawai yang bersesuaian bagi pelaksanaan BDR di Seksyen masing-masing serta memastikan pemantauan prestasi dilaksanakan secara berterusan. Sebarang isu atau keperluan hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(HALINA BINTI ABDUL HAMID)

b.p Pengarah

Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri & Binaan